

# Pastikan ijazah bermutu dan relevan

Usah hanya mengejar 'kelayakan kertas', tapi beri tumpuan kepada membangun kemahiran mendalam

► **NUR ADILAH MAHBOB**  
adilaham@sph.com.sg

SEMUA pelajar, termasuk pelajar Melayu, akan mempunyai lebih banyak peluang melanjutkan pengajian sedang pemerintah menyediakan lebih banyak tempat di pusat pengajian tinggi.

Namun, mereka harus memastikan ijazah atau kursus yang diambil bermutu tinggi dan relevan dengan industri, ujar Menteri Pendidikan Heng Swee Keat.

Penekanan terhadap kemahiran menerusi inisiatif SkillsFuture sekarang juga tidak bermakna kelayakan tidak lagi dianggap penting.

"Kelayakan itu boleh menjadi satu perkara yang baik jika ia bermutu tinggi dan relevan," ujar Encik Heng dalam satu wawancara dengan *Berita Harian* kelmarin.

Tambahnya, mengejar kelayakan kertas yang tidak relevan dan tidak bermutu tinggi akan membawa kepada kekecewaan apabila seseorang sukar mendapat pekerjaan yang diinginkan.

Beliau akur ada ibu bapa yang menghabiskan ribuan dolar bagi anak mereka mendapatkan ijazah di luar negara, misalnya, tetapi akhirnya anak itu sukar mendapat pekerjaan.

"Ibu bapa inginkan yang terbaik untuk anak mereka dan ini sesuatu perkara yang baik.

"Tetapi apa yang penting adalah membuat pilihan berdasarkan maklumat yang betul," ujar Encik Heng.



**MENGENAI PENCAPAIAN PELAJAR MELAYU:** Encik Heng Swee Keat memberitahu bahawa kini semakin ramai pelajar Melayu yang mengikuti pendidikan posmenengah – daripada empat dalam 10 orang pada 1990-an kepada sembilan dalam 10 orang hari ini. – Foto ZAOBAO

Justeru, pemerintah kini sedang berusaha menyediakan lebih banyak bimbingan kerjaya di sekolah.

Di bawah SkillsFuture, pemerintah juga akan menawarkan lebih banyak program dan kursus bersubsidi dan relevan dengan industri.

Contohnya, program 'Earn and Learn' di politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) memberi lebih banyak peluang kepada pelajar untuk belajar sambil bekerja.

"Apabila universiti, politeknik dan ITE menyediakan kursus ini, kami melakukan yang terbaik bagi memastikan ia bermutu tinggi dan apa yang diperlukan industri," tambahanya.

Pada masa yang sama, pemerintah juga meluaskan tempat di universiti.

Kini terdapat lebih 15,000 tempat di enam universiti setempat dan bilangannya akan meningkat dengan peluasan Institut Teknologi Singapura (SIT) dan Universiti SIM (UniSIM).

"Peluang semakin banyak. Kami ingin membantu masyarakat Melayu agar lebih maju.

"Ini memerlukan pelajar dan ibu bapa memahami di mana peluang ini dan bagaimana membangun diri untuk mengejar peluang itu," kata Encik Heng.

Beliau memberi contoh kerjaya yang memerlukan lebih ramai tenaga kerja termasuk guru prasekolah dan guru bahasa ibunda dalam industri pendidikan.

Industri lain termasuk penjagaan kesihatan, penerbangan dan maritim.

Ditanya mengenai pencapaian pelajar Melayu, Encik Heng berkata semakin ramai yang mengikuti pendidikan posmenengah – daripada empat dalam 10 orang pada 1990-an kepada sembilan dalam 10 orang hari ini.

Beliau berharap dapat melihat lebih ramai pelajar Melayu bukan sahaja belajar pada peringkat tinggi, bahkan membangun mengikut kekuatan mereka serta memahami keperluan dalam masyarakat dan ekonomi.